

Sungai Pin akan terus dipulihara

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah akan terus komited untuk memulihara Sungai Pin di Hilir Kinabatangan sejak tiga tahun lalu, sekali gus memastikan hasrat mewujudkan 'Koridor Kehidupan Kinabatangan' menjadi kenyataan.

Projek pemulihan itu membabitkan kawasan seluas 1,260 hektar di sepanjang 20 kilometer Sungai Pin yang terletak di antara Batu Putih dan Tanjung Bulat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata kerajaan negeri berpuas hati dengan usaha pemulihan itu yang dimulakan sejak Ogos 2003.

Katanya, kerjasama di antara kerajaan negeri menerusi syarikat perladangannya Sawit Kinabalu Berhad Group (Sawit Group) dengan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia membentuk 'Koridor Kehidupan Kinabatangan', perlu diteruskan demi manfaat semua pihak.

"Sawit Group sentiasa melaksanakan strategi dan pendekatan ke arah meningkatkan keuntungan, namun pada masa sama tidak mengabaikan aspek kepentingan penjagaan alam sekitar yang merangkumi usaha pemeliharaan dan pemuliharaan," katanya dalam satu kenyataan sempena majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Perkongsian Pemuliharaan Koridor Kehidupan di Hilir Kinabatangan an-

tara WWF Malaysia dan Sawit Group di Wisma Innoprise, di sini, semalam.

WWF Malaysia diwakili Pengarah Programnya, Dr Donysius Sharma manakala Sawit Group oleh Pengarah Urusannya, Salim Mohammad. Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Nasir Sakaran yang mewakili Musa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Teknikal WWF Malaysia, Dr Rahimats-hah Amat, berkata perkongsian itu antara lain akan membolehkan proses penanaman semula di hutan yang sudah ditebang, selain menjadi model bagi usaha pemuliharaan di Hilir Kinabatangan.

FAKTA NOMBOR

20km

Kawasan dikhususkan bagi pemuliharaan

16

Spesies mamalia di kawasan pemuliharaan